

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10/9/2017

Malaysia perlu berani langkau pencapaian lazim – PM

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Malaysia perlu sentiasa meletakkan sasaran pencapaian yang tinggi bagi membolehkan negara terus ke hadapan dan mencipta lebih banyak kisah pembangunan dan kejayaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, dalam usaha kerajaan menjayakan Dasar Digital Malaysia dan mempersiapkan negara menuju era Revolusi Perindustrian Keempat.


Malaysia tidak mempunyai pilihan melainkan mesti berani dan meyakinkan diri bahawa negara mampu melonjak lebih jauh daripada biasa.

“Maknanya, pencapaian kita mulai kini seharusnya mampu melangkaui batas-batas pencapaian yang sudah lazim, atau *we must always raise the bar high and continue to keep the bar high for Malaysia.*”

“Barulah Malaysia bukan setakat dikenali sebagai role model sebuah negara Islam akan tetapi secara duniawinya, bakal menjadi rujukan kawan dan lawan sebagai sebuah negara dinamik *High Income Advanced Economy* yang disegani,” katanya ketika menggariskan hala tuju negara dalam ucapan sembah tahniah bersempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V, di Istana Negara, di sini, hari ini.

Perdana Menteri menambah, Malaysia sekarang sudah berjaya diletak pada landasan yang tepat dan benar menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50), sekaligus bermakna negara tidak boleh lagi kekal di takuk lama.

Terdahulu dalam ucapannya, perdana menteri men-



NAJIB TUN RAZAK berkata sesuatu dengan Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi** pada majlis Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Persekutuan sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam. - BERNAMA

zahirkan rasa gembira kerana negara bukan sahaja meraikan kegembiraan berganda selepas muncul juara keseluruhan Sukan SEA ke-29 dan menyambut Hari Kebangsaan tetapi sebenarnya telah mencapai satu lagi kegembiraan dengan sambutan Hari Keputeraan rasmi pertama Sultan Muhammad V, selaku Yang di-Pertuan Agong ke-15, hari ini.

“Seluruh rakyat Malaysia seolah-olah mempersembahkan hadiah kepada tuanku serta bersama-sama merayakan semua hal-hal yang gembira, sempena hari keputeraan rasmi tuanku buat kali yang pertama, selaku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Ke-15,” katanya.

Mengulas mengenai kejayaan kontinjen negara pada Sukan SEA yang dianjurkan Malaysia sendiri, Najib menyifatkan ia sebagai pencapaian terhebat negara dalam sejarah Sukan SEA dan berharap pelbagai lagi rekod kejayaan akan dicipta pada Sukan Para ASEAN yang akan bermula 17 September ini.

Merujuk kepada hal ehwal pembangunan dan kemajuan negara yang muktahir, perdana menteri berkata, kerajaan akan terus mengutamakan projek-projek infra-rakyat seperti Transit Aliran Massa (MRT), Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL), Lebuh Raya Pan-Borneo serta

projek keretapi kelajuan tinggi yang kini sedang rancang dan bakal dibina tidak lama lagi.

“Pastinya jua, apa-apa isu berkait kos sara hidup rakyat akan menjadi keutamaan kepada kerajaan tuanku, agar rakyat teramai tidak terbeban dengan arus kepesatan pembangunan negara yang sedang berpecut laju,” kata perdana menteri.

Perdana menteri berkata, dalam memperkukuhkan ekonomi negara, kerajaan tidak membuang masa dengan hal-hal remeh lagi merugikan, sebaliknya sejak lapan tahun lepas melalui Dasar Transformasi Nasional, kerajaan berfokus seoptimum mungkin bagi terus memperkukuh daya tahan ekonomi di celah-celah kemelut ekonomi global.

Beliau turut mempersembahkan kedudukan terkini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang merekodkan pertumbuhan pada kadar 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini, iaitu antara yang tertinggi di dunia selain rizab antarabangsa Bank Negara yang semakin kukuh apabila kini merekodkan pertumbuhan kepada RM431.7 bilion.

Najib turut memetik beberapa pengiktirafan antarabangsa untuk negara termasuk oleh agensi penarafan Fitch Ratings yang mengekalkan penarafan kredit Malaysia dengan unjuran stabil pada skor A-, manakala majalah Forbes meletakkan Malaysia pada kedudukan teratas antara semua negara Asia untuk pelaburan dan majalah International Living pula memilih negara sebagai destinasi persaraan terbaik dunia bagi 2017. - BERNAMA

Ulm - 10/9/2017 Pg. 2